

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MCCE 2015 medium MOSTI komersial produk inovasi, R&D tempatan	Utusan Malaysia
2.	Fenomena air pasang besar seminggu	Berita Harian
3.	Cucian D'Belda disasar raih RM24j setahun	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

MCCE 2015 medium MOSTI komersial produk inovasi, R&D tempatan

Oleh **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus mengorak langkah sebagai peneraju pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi usahawan tempatan dengan penganjuran Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE) 2015 yang sedang berlangsung bermula hari ini hingga esok di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.



NONI SALMINA



ALICE SURIATI

MCCE 2015 merupakan kesinambungan kepada MCCE 2014 yang julung kali diadakan pada tahun lalu dan kali ini penganjurannya mengangkat tema 360° Merakyatkan Inovasi melalui Inovasi Inklusif Terbuka iaitu merujuk kepada manfaat inovasi kepada segenap lapisan masyarakat iaitu pelajar, belia, orang awam, penyelidik, ahli akademik, pemain industri dan pelabur.

MCCE 2015 juga sebagai persembahan MOSTI dalam menganjurkan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 seperti yang diamanahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2016 bagi mempergiat, melonjak dan membudayakan aktiviti pengkomersialan produk inovasi dan R&D usahawan tempatan.

Mengulas lanjut mengenai temanya, Ketua Penyelaras Program MCCE 2015, Noni Salmina Abu berkata, konsep Inovasi Inklusif Terbuka yang diperkenalkan dalam MCCE 2015 merupakan gabungan dua jenis inovasi sedia ada iaitu Inovasi Inklusif dan Inovasi Terbuka.

Beliau berkata, Inovasi Inklusif Terbuka adalah penggunaan idea dalaman dan luaran yang mengambil kira pandangan masyarakat untuk pembangunan produk pengkomersialan selain membawa kepada akses produk dan perkhidmatan yang mampu dimiliki masyarakat berpendapatan rendah.

"Asas utama kepada pemilihan Inovasi Inklusif Terbuka adalah kerana ia merupakan konsep pertama yang digunakan di seluruh dunia se-



PENGARAH Daya Usaha Cipta Enterprise, Noor Alimin Zainuddin menunjukkan Mesin Lesung Elektrik ciptaannya sempena Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE) 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

MCCE'15
MOSTI COMMERCIALIZATION CONFERENCE & EXHIBITION

lain sebagai peneraju kepada takrif baharu pengkomersialan di Malaysia melalui pewujudan pasaran baharu dan juga memperbaiki tahap ekonomi masyarakat berpendapatan rendah.

"Konsep ini juga merupakan salah satu platform bagi Malaysia untuk meneraju kaedah baharu di dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) berbanding kaedah konvensional R&D&C sedia ada," katanya.

Bagi menyampaikan maklumat lebih terperinci mengenai konsep berkenaan, hari pertama MCCE 2015 diisikan dengan forum-forum berkaitan Inovasi Terbuka, Inovasi Inklusif dan Inovasi Inklusif Terbuka dengan melibatkan panel-panel yang terdiri daripada pelbagai agensi, institusi pengajian tinggi (IPT) dan industri.

Hari kedua pula diisi dengan forum-forum berkaitan Inovasi Dalam Dunia Sebenar, Realiti Dalam Inovasi serta Inovasi Dalam Kehidupan Mampan selain majlis pembukaan MCCE 2015 yang akan disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tan-gau.

Pengisian lain yang turut mewarnai MCCE 2015 adalah pameran produk-produk inovasi dan R&D oleh 55 pempamer, pelancaran

hampir 300 produk baharu inovasi dan R&D serta sesi 'pitching' dan padanan perniagaan yang bertujuan memperkenalkan hasil R&D MOSTI.

Antara produk R&D dan inovasi di MCCE 2015 yang menarik perhatian adalah seperti Mesin Lesung Elektrik yang dihasilkan oleh Daya Usaha Enterprise, 'Electric Padel Assisted Bicycle' (Voltron Green Force (M) Sdn. Bhd.), 'Touch Screen Vending Machine' (Adamo Vending Supply Sdn. Bhd.), 'The Pallet Pry Bar' (Giat Mara Petaling Jaya) dan 'Solar Grass Cutter' (Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah).

Menurut Ketua Komunikasi Korporat MOSTI, Alice Suriati Mazlan, penganjuran MCCE 2015 selari dengan hasrat dan hala tuju MOSTI untuk memacu pengkomersialan dalam negara melalui inovasi dan R&D selain menjadi platform kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk melihat peluang-peluang pengkomersialan produk-produk berkenaan.

"Inovasi bukan hanya dimonopoli oleh golongan penyelidik, profesor mahupun pengkaji makmal semata-mata, sebaliknya melibatkan seluruh rakyat atau sesiapa sahaja dan sejarah telah membuktikan kebanyakan inovasi atau ciptaan baharu datangnya daripada orang biasa.

"Inovasi merupakan idea baharu yang pada kebiasaannya dihasilkan oleh masyarakat dalam memperbaiki cara sedia ada melakukan sesuatu. Ini adalah supaya produktiviti mereka meningkat terutama dari sudut ekonomi seterusnya membantu memperbaiki taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Fenomena air pasang besar seminggu

» *Paras laut di Selat Tebrau dijangka cecah sehingga 3.7m Selasa depan*

Oleh Junita Mat Rasid, S Anand Kumar dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

■ Johor Bahru

Fenomena air pasang besar dijangka berlaku di Selat Tebrau di sini, selama seminggu, pada minggu depan.

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memaklumkan, fenomena itu yang mencapai paras laut sehingga 3.7 meter, dijangka bermula pada Selasa ini hingga 30 November.

Laman web MBJB memaklumkan, jika hujan lebat berterusan ketika air pasang besar, ia boleh menyebabkan banjir terutama di kawasan bandar dan kawasan rendah berhampiran tepi pantai atau sungai.

"MBJB memohon kerjasama

orang ramai dan penduduk yang berada di kawasan berkenaan supaya lebih bersedia dan berwaspada sepanjang tempoh fenomena air pasang besar itu," kata laman web itu.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memaklumkan ribut petir di satu dua tempat di Johor sehingga Selasa ini.

Menurut laman web jabatan itu, cuaca mendung dijangka pada sebelah pagi di kawasan pantai esok, manakala ribut petir di satu dua tempat pada waktu petang.

"Bermula Jumaat (esok) hingga Selasa ini, hujan dijangka di satu dua tempat di kawasan pantai dengan keadaan bertukar ribut petir di beberapa tempat pada sebelah petang. Pada sebelah malam, dijangka hujan di satu dua tempat," kata laman web itu.

Jalan ditenggelami air

Isnin lalu, hujan lebat dalam tempoh sejam menyebabkan beberapa jalan utama ditenggelami air terutama di sekitar pusat bandar terutama di Jalan Wong Ah Fook di sini, ditenggelami air sehingga 1.5 meter hingga menyebabkan berpuluh kenderaan ter-

perangkap dalam banjir kilat.

Banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada hujan lebat luar biasa dan fenomena air pasang.

Sementara itu, Menteri Kesyahbandaran Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata kerajaan akan mengkaji semula sistem perparitan dan saliran khususnya di kawasan bandar di seluruh negara bagi mengelakkan banjir kilat sehingga merosakkan harta benda awam.

Beliau berkata, sistem sedia ada tidak mampu lagi menampung jumlah aliran air yang banyak disebabkan faktor perubahan iklim cuaca luar biasa.

Katanya, jika dahulu kedala-

man sistem saliran dan perparitan dibina kira-kira tiga meter, ia tidak lagi cukup untuk menampung jumlah air pada masa kini kerana taburan hujan meningkat dalam masa singkat.

Contohnya, banjir kilat di Jalan Wong Ah Fook disebabkan taburan hujan pada hari kejadian ialah 85 milimeter (mm) melepasi tahap bahaya iaitu 75mm dalam tempoh sejam sejak jam 12 tengah hari, manakala air pasang laut pula 3.4 meter.

"Akibat pertembungan taburan hujan yang tinggi dan air pasang dalam tempoh sejam mulai jam 12.35 tengah hari hingga jam 1.40 tengah hari, berlaku banjir kilat di kawasan itu hingga

menyebabkan banyak harta benda awam rosak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sesi taklimat banjir kilat di bilik mesyuarat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di sini, semalam.

Pasang pam di sungai

Abdul Rahman berkata, beliau sudah meminta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) memasang enam pam di Sungai Segget di sini, bagi mengepam keluar air ke laut dalam usaha mengelak berlaku banjir kilat.

Beliau berharap pemasangan pam itu boleh diselesaikan minggu depan.

"Ini adalah antara langkah jangka pendek bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan berkenaan dan saya minta IRDA menyegerakan pembelian pam membabitkan kos kira-kira RM20,000 seunit," katanya.

Enam pam itu mampu mengepam kira-kira 1,000 liter air sesaat yang berupaya mengalirkan air ke laut jika berlaku peningkatan air, sebelum projek tebatan banjir Sungai Segget siap sepenuhnya pada Jun 2016.

INFO

© Tarikh	Masa pasang besar	Ketinggian air laut
© 24 November	9.49 pagi - 10.38 malam	3.5m
© 25 November	10.33 pagi - 11.27 malam	3.6m - 3.7m
© 26 November	11.15 pagi	3.7m
© 27 November	12.15 malam - 11.56 pagi	3.7m - 3.7m
© 28 November	1.02 malam - 12.37 pagi	3.7m
© 29 November	1.49 malam - 1.15 petang	3.6m
© 30 November	2.36 malam - 1.53 petang	3.5m

Cucian D'Belda disasar raih RM24j setahun

» **Koperasi MBFM rancang eksport produk dalam dua tahun lagi**

Oleh **Ahmad Fiesal Othman**
fsal@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Koperasi Majlis Belia Fel-da Malaysia Bhd (Koperasi MBFM) menyasarkan jualan RM24 juta setahun produk cucian biodegreser berjenama D'Belda yang dihasilkan untuk pelbagai guna, termasuk kegunaan industri.

Pengerusinya, Anuar Abd Manap, berkata cucian biodegreser yang juga produk kedua dipasarkan oleh koperasi itu di bawah jenama D'Belda, akan dijual menerusi Koperasi 1Malaysia dan pasar raya D'Mart di

semua tanah rancangan FELDA di seluruh negara.

Beliau berkata, sekiranya mendapat sambutan baik di pasaran tempatan, pihaknya merancang mengeksport produk berkenaan dalam tempoh dua tahun akan datang, dengan Asia Barat menjadi tumpuan utama.

"Kami menyasar melancarkan tiga produk di bawah jenama D'Belda tahun ini dan setakat ini, dua sudah dilancarkan," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian pada majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) di antara Koperasi MBFM dan Microclear Sdn Bhd serta pelancaran cucian biodegreser D'Belda yang disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samat.

Microclear adalah syarikat bioteknologi yang menghasilkan produk berasaskan teknologi bio berkualiti tinggi menerusi kerjasama dengan Uni-

versiti Teknologi Malaysia (UTM) serta mendapat sokongan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).

Guna teknologi hijau

MoU itu bagi Microclear membekal, menghantar dan mengedarkan produk cucian biodegreser pelbagai jenis berjenama D'Belda secara pengilang peralatan asal (OEM) untuk semua agensi di bawah seliaan FELDA di seluruh negara.

Kontrak setahun itu menyasarkan Microclear membekal sebanyak 100,000 liter sebulan atau 1.2 liter setahun produk berkenaan.

Anuar berkata, D'Belda ialah produk cucian yang menggunakan teknologi hijau dari sumber organik boleh diperbaharui serta bebas bahan kimia berbahaya.

Produk inovasi

Beliau berkata, ia adalah produk inovasi berasaskan mikroorganisma dan biodeg-



“**Sekiranya mendapat sambutan baik di pasaran tempatan, pihak kami rancang mengeksport produk ini dalam tempoh dua tahun akan datang**”

Anuar Abd Manap,
Pengerusi Koperasi MBFM

reaser atau asas tumbuhan yang berjaya dihasilkan untuk kegunaan industri seperti industri minyak kelapa sawit, minyak dan gas, automotif, perhotelan, restoran dan juga sebagai produk rumah tangga.

"D'Belda turut mendapat pengesahan dan pengiktirafan daripada Sirim dan Standards Malaysia," katanya.